

NOTIS SEBUT HARGA

PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDCTelco) adalah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). PDCTelco merupakan salah sebuah syarikat yang memberikan servis perkhidmatan infrastruktur telekomunikasi kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang. PDCTelco akan mengadakan satu sebut harga bagi kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA : PDCTELCO/Q-NGN/001/2026

JEMPUTAN SEBUT HARGA BAGI PEMBEKALAN PERKHIDMATAN IP TRANSIT DI SUNTECH, PULAU PINANG.

Sebut harga adalah terbuka kepada semua penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang lesen **Network Service Provider (NSP)** bagi penyediaan perkhidmatan kepada PDCTelco seperti perincian di bawah:

Lokasi:

Open DC PE1 Data Center
1-12B-17 & 18, Suntech @ Penang Cybercity,
Lintang Mayang Pasir 3,
11950 Bayan Baru,
Pulau Pinang

Skop perkhidmatan adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

1. Spesifikasi IP Transit
 - Lebar jalur: 9Gbps komited
 - Protokol: IPv4 dan IPv6 (*dual stack*)
 - *Interface*: 10GE, SFP+
 - *Peering* BGP dengan sokongan jadual penghalaan global penuh
2. Ketersediaan Tahap Perkhidmatan
 - SLA masa operasi: 99.0%
 - Sokongan dan pemantauan NOC 24/7
3. Perincian komersial yang perlu disertakan dalam sebut harga
 - Caj bulanan berulang (MRC)
 - Caj pemasangan sekali sahaja (OTC)
 - Tempoh kontrak: 12 bulan
 - Tarikh pengaktifan perkhidmatan: 15 Julai 2026
4. Maklumat tambahan yang diperlukan
 - Butiran ASN (*Autonomous System Number*)
 - Butiran *peering* (*transit vs. peering mix*)
 - Maklumat sokongan tempatan (Pengurus Akaun & Teknikal)
 - *Escalation matrix*
 - Contoh Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA)

Kami dengan hormatnya meminta agar pihak tuan/puan mengemukakan sebut harga bagi perkhidmatan yang kami perlukan selewat-lewatnya pada **18 Mei 2026, sebelum jam 12:00 tengah hari**, untuk semakan dan kelulusan pihak pengurusan kami. Sebut harga tersebut hendaklah dialamatkan kepada alamat berikut:

Alamat Pejabat :



PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.
1-12A-12A, SUNTECH@Penang Cybercity,
Lintang Mayang Pasir 3,
Bandar Bayan Baru

11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel No : 04-640 6644

Fax No : 04-640 6640

Waktu Operasi :

Isnin – Jumaat

9:00 pagi – 5:00 petang

Waktu Rehat :

Isnin – Khamis

1:00 petang – 2:00 petang

Jumaat

12:15 tengah hari – 2.45 petang

Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dilekatkan dan ditulis **"NO. SEBUT HARGA : PDCTELCO/Q-NGN/001/2026"** dan dokumen ini hendaklah diserahkan di pejabat beralamat di atas sebelum atau pada **18 Mei 2026, sebelum jam 12.00 tengah hari.**

“Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan pengemuka sebut harga akan menyebabkan sebut harga tersebut ditolak serta merta”.